

21 MAY 2003

Pakej-Reaksi (Wanita)

SHAHRIZAT: KEPENTINGAN WANITA TURUT DAPAT PERHATIAN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata pakej ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini turut memberi perhatian kepada keperluan wanita termasuk ibu-ibu tunggal.

Beliau gembira kerana ibu-ibu tunggal akan diberi pertimbangan khas bagi membeli rumah -- pertama kali kemudahan sedemikian diadakan kerajaan.

"Ini merupakan pakej untuk pembangunan keluarga. Keseluruhan pakej yang diumumkan adalah excellent, terpulangkan kepada rakyat untuk merebut peluang yang disediakan," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata usahawan wanita terutama mereka yang menjadi kontraktor juga perlu merebut peluang yang disediakan kerajaan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana.

"Gabungan Kontraktor Wanita yang dianggotai lebih 40 kontraktor wanita mestilah bersama-sama merebut peluang ini," katanya merujuk kepada langkah kerajaan melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad untuk membina 150,000 unit rumah.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata, kerajaan negeri menyifatkan pakej itu sebagai satu usaha pemulihan industri pelancongan.

Katanya, pengumuman kerajaan untuk memansuhkan cukai perkhidmatan dan memberi diskaun kadar elektrik kepada pengusaha hotel adalah sesuatu yang membantu untuk mengalakkan pertumbuhan industri pelancongan yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

"Orang ramai harus mengambil kesempatan pakej ini untuk berbelanja dan melancong dalam negeri agar semua pihak dapat menikmati faedah pakej yang diumumkan itu," katanya.

Dr Koh berkata, pakej istimewa yang ditawarkan untuk sektor perindustrian akan menarik para pelabur asing terutamanya syarikat industri berteknologi tinggi mempertingkatkan lagi pelaburan mereka.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS negeri Hamdan Abdul Rahman pula berkata, pakej rangsangan ekonomi tidak akan memberi makna jika kerajaan masih mengamalkan sistem ekonomi seperti sekarang.

"Apa yang seharusnya dilaksanakan oleh kerajaan ialah memperkenalkan pakej ekonomi dengan pembaharuan dalam sistem ekonomi negara seperti memperkenalkan sistem ekonomi Islam," katanya.

-- BERNAMA

HS AZE AZZ MOZ